

Tuliskan prinsip rekabentuk landskap berdasarkan pernyataan:

..... ialah hubungan antara elemen-elemen dalam landskap. Boleh menjadi simetri atau tidak simetri.

..... bermaksud tumpuan atau fokus terhadap sesuatu elemen yang menarik dan menonjol dalam landskap. Diwujudkan melalui satu titik fokus atau ciri-ciri istimewa seperti warna, ketinggian, bentuk, bunyi atau objek/tanaman.

Landskap yang cantik perlu ada prinsip ..... Kontra adalah salah satu cara untuk menghasilkan prinsip ini. Ia dapat diwujudkan dengan menggabungkan bentuk, jalinan dan kombinasi warna dalam landskap.

Prinsip ..... merujuk kepada perubahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain secara berperingkat-peringkat menurut pandangan mata. Perubahan ini dari segi ketinggian, warna atau jalinan.

..... ialah gabungan pelbagai elemen reka bentuk untuk mendapatkan satu konsep tertentu. Dihasilkan melalui penggunaan prinsip dan elemen landskap secara berulang-ulang dan konsisten.

Reka Bentuk Landskap perlu ringkas dan menarik. Gunakan elemen penting sahaja seperti tumbuhan, air dan struktur binaan.